



**ISMAL (enam kiri) menyampaikan cenderamata kepada Muhajirah sambil diperhatikan Zamri (lima kiri) dan pegawai UMSKAL yang lain.**

## **Pegawai UMSKAL perlu jalan tugas dengan sempurna**

UB 24.1.2014 AG

**LABUAN:** Pegawai dan kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dinasihatkan supaya menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan sempurna.

Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Ismail Ali berkata, apabila pegawai dan kakitangan diberi tugas, mereka sewajarnya menjalankan dengan penuh komitmen supaya hasrat dan matlamat universiti akan tercapai.

Katanya, semua pegawai mempunyai peranan yang penting untuk menjaga nama baik universiti walau di mana mereka bertugas.

“Sebagai penjawat awam, kita mesti jalankan tugas dengan

penuh bertanggungjawab dan amanah untuk manfaat pelanggan keseluruhannya,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis serah dan terima tugas pegawai kanan UMSKAL di Bilik Seri Menanti, Bangunan Menara UMSKAL, kelmarin. Turut hadir Timbalan Pendaftar Zamri Mohamad Tuah.

Pada majlis itu, Penolong Bendahari Kanan, Bahagian Kewangan UMSKAL, Muhajirah Muckhlis yang bertugas sejak April 2010 akan berpindah ke Jabatan Bendahari di UMS Kota Kinabalu bermula awal bulan depan.

Sementara pegawai lain ditukarkan ke bahagian lain bagi

mengisi beberapa kekosongan dan pertukaran portfolio.

Ismail turut mengalu-alukan kehadiran pegawai kanan yang baharu dari kampus induk ke Labuan dan berharap mereka dapat menjalankan tugas dengan baik.

Sambil mengucapkan terima kasih atas perkhidmatan yang diberikan selama ini, beliau berharap semua pegawai mengutamakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan bagi memastikan misi dan visi Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah untuk menjadikan UMS sebuah universiti yang dinamik akan tercapai pada masa akan datang.



**BUAT KAJIAN TELITI:** Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) kini sedang membuat penyelidikan mengenai keperluan pengajaran bahasa etnik di peringkat sekolah di negeri ini. Setakat ini hanya bahasa Kadazandusun yang diajarkan di peringkat sekolah di Sabah dan bahasa Iban di Sarawak. Terdapat permintaan daripada masyarakat Iranun dan Murut supaya bahasa ibunda mereka dapat diajarkan sejak peringkat pra sekolah hingga ke peringkat yang lebih tinggi. Sehubungan itu, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia yang diketuai oleh Dr Haji Mohd Yunus Ibrahim bersama pegawainya membuat lawatan kerja dan penyelidikan serta mengatur pelbagai pertemuan dan mesyuarat dengan pihak-pihak yang terlibat. Jawatankuasa itu telah mengadakan mesyuarat dengan Pengarah Pelajaran Sabah, Datuk Jame Alip, di pejabatnya di Tingkat 7, Wisma Persekutuan. Mesyuarat itu dihadiri oleh Ketua Unit Parlimen KPM, Amzan Abd Malek, PP KPM, Ismail Ibrahim, Norita Hamzah, Nor Fariza Mohd Idris dan Sitiamah Sahat, Pegawai Meja Kadazandusun, JPN Sabah. Kelihatan dalam gambar, Jame sedang mempengerusikan mesyuarat berkenaan. Oleh

ABD NADDIN SAIDDIN